

Profesor Dr Fuat Sezgin

cendiakawan sains Islam

B.H m/s 9 8.11.07

Simpan 148 replika dan model ciptaan ilmuwan Islam

PROFESOR Dr Fuat Sezgin adalah ahli sejarah sains dan teknologi, ulung dan dihormati dalam dunia Islam. Beliau yang kini mencecah usia 83 tahun lahir di Istanbul, Turki pada 1924.

Ketika Perang Dunia Kedua meletus di Eropah, beliau tetap tekun meneruskan pengajiannya. Antara 1943 dan 1951, Prof Dr Fuat menyambung pengajian peringkat universiti dalam bahasa Arab dan Sastera, Islamologi, bahasa Parsi dan Sastera serta Matematik, semuanya di Universiti Istanbul.

Di universiti yang sama, beliau melengkapkan pengajian doktor falsafahnya. Tajuk tesis PhD Sezgin ialah 'Majaz al-Quran' oleh Abu Ubaidah yang disediakan dalam bahasa Arab. Tajuk penulisan habilitasi beliau yang pertama ialah 'The Sources of al-Bukhari' yang dikarang dalam bahasa Turki.

Pada 1960, Prof Dr Fuat menyandang jawatan profesor di Fakulti Falsafah, Universiti Istanbul dan pada dua tahun berikutnya beliau berkhidmat sebagai profesor pelawat di Universities of Frankfurt am Main dan Marburg, Jerman.

Sezgin membuat habilitasi yang kedua dalam bidang sejarah sains di Fakulti Sains, Universiti Johann Wolfgang Goethe, Frankfurt am Main.

Beliau kemudian menyandang jawatan profesor dalam bidang



Dr Fuat Sezgin

Sejarah Sains Tabi'i di universiti yang sama dan terus berkhidmat hingga 1981 apabila beliau menubuhkan Institute for the History of Arabic-Islamic Sciences di situ.

Beliau juga pengasas dan


pengarah kehormat Institut serta pengasas Muzium Institut.

Antara 1967 dan 2000, 12 jilid karya utama beliau iaitu Sejarah Kesusasteraan Arab diterbitkan. Sejak 1984, beliau menyunting 'Journal for the History of Arabic-Islamic Science' dan siri lain yang diterbitkan oleh Institutnya. Setakat ini, lebih 1,000 jilid sudah diterbitkan.

Prof Dr Fuat dikurniakan banyak anugerah atas usaha gigih beliau. Antara anugerah tertinggi diterima termasuk anugerah King Faisal Prize for Islamic Studies (1978), Goethe Medal of the town of Frankfurt am Main (1979), Federal Service Cross of the Federal Republic of Germany - kelas pertama (1982) dan Grand Cross for Distinguished Service of the Order of Merit of the Federal Republic of Germany.

Tokoh ulung ini berada di Malaysia sempena Pameran Kegemilangan Sains Dalam Tamadun Islam. Bagi menghargai dan memberikan penghormatan terhadap kegigihan beliau dalam menerokai kegemilangan Tamadun dan Sains Islam, Penubuhan Kerusi Prof Dr Fuat Sezgin di Universiti Teknologi Malaysia akan diumumkan hari ini.

Beliau juga akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Sains Universiti Teknologi Malaysia oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum menyampaikan syarahan penerimaan dan ucap balas bertajuk "The Essential Features and the Importance of the Arabic-Islamic Science in the Common History of Mankind".



Bangunan Institute for the History of Arabic-Islamic Sciences yang dibuka di Frankfurt pada 1982.

Ringkasan konsep pameran:

- 148 Bahan pameran
- Replika
- Poster
- Model boleh berfungsi
- Manuskrip



Antara model dan manuskrip yang dipamerkan

- Sukatan Mural
- Sfera Armila Solstis
- Sfera Armila Ekuinoks
- Instrumen dengan Penglihatan Boleh Gerak
- Instrumen bagi Penentuan Altitud dan Azimut
- Instrumen bagi menentukan skala Tegak melalui Sinus
- Sukuan Kayu
- Pembaris Paralaks
- Instrumen dengan Korda
- Balai Cerap Samarkand
- Astrolab Masyarakat Katalan Kurun ke-10
- Astrolab ciptaan al-Astrolab
- Cakera Dunia ciptaan al-Hamairi
- Sukuan Sinus ciptaan Muhammad Ahmad al-Mizzi
- Bulatan India
- Kereta perisai
- Kunci kombinasi
- Pam air automatik dengan enam pam
- Peralatan pembedahan
- Alat penyulingan tumbuhan
- Alembic
- Bekas penapis kapilari
- Kincir angin
- Penangkap kapal korek
- Model Kolej Mustansiriya, Baghdad
- Model Hospital Qalawun
- Pelancar (lastik)
- Senjata berteknologi tinggi
- Planetarium Al-Sijzi
- Glob Celestial
- Balai cerap Ravy



Dato' Sri Dr Jamaludin Jarjis

Tingkat kesedaran sains teknologi

B.H. m | 29 8.1.07

PAMERAN yang bertemakan Sains Islam Mendahului Zaman, antara lain memaparkan 148 bahan seperti replika, model, manuskrip saintifik dan koleksi hasil ciptaan ilmuan Islam dalam pelbagai bidang sains.

Pameran yang pertama kali dianjurkan di Asia itu akan berlangsung selama seminggu bermula hari ini di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) dan dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Sri Dr Jamaludin Jarjis berkata, usaha mengadakan pameran itu selaras dengan matlamat Islam Hadhari yang menekankan kepada penguasaan ilmu pengetahuan.

"Matlamat utama pameran adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pentingnya penguasaan ilmu sains dan teknologi bagi kemajuan dan kecemerlangan negara.

"Umat Islam perlu mengambil inisiatif menyambung semula kegemilangan tamadun Islam dalam sains dan teknologi.

"Pameran ini diharap menjadi forum ilmuwan sains bertukar maklumat terkini dan mewujudkan jaringan kerjasama," katanya.